



Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa Melayu

Nor Hashimah Jalaluddin

shima@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Penyelidikan bahasa Melayu (BM) telah lama terpahat dalam dunia alam Melayu. Penyelidikan tentang BM telah banyak dijalankan semenjak zaman pra kemerdekaan lagi. Penyelidikan dalam konteks alam Melayu Nusantara bukan sahaja melibatkan orang Inggeris malah juga warga Eropah yang lain seperti Belanda, Italy dan Perancis di samping anak watan sendiri. Dalam konteks negara ini, kajian residen Inggeris seperti Marsden, Winstedt, Wilkinson, Swettenham dan ramai lagi tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu tidak boleh dinafikan lagi. Maka lahirlah buku-buku mengenai tatabahasa dan budaya antropologi sifatnya. Mereka membuktikan bahawa BM mempunyai nilai bermutu tinggi khususnya bahasa kiasan. Perkembangan ilmu yang terpisah-pisah dek pengasingan mengikut bidang khusus seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik telah menenggelamkan bahasa kiasan sendirian agak lama. Meskipun Asmah (1986), Nor Hashimah (2000), Charteris Black (2000, 2002) pernah menulis mengenai bahasa kiasan ini tetapi sumbangan kepada akal budi Melayu tidak menonjol. Khazanah kiasan ini harus terus dicungkil. Pendekatan multidisiplin yang menggabungkan ilmu bahasa dengan ilmu lain merupakan inovasi kepada kajian bahasa yang lebih terkini. Pengaplikasian perisian yang bersesuaian dengan bidang ilmu seperti GIS (Geographical Information System), perisian maklumat ilmu pemakanan, teknologi maklumat mampu menenun inovasi dalam kajian bahasa demi memastikan kelangsungan, kelestarian dan perekayasaan BM agar terus segar dan kekal relevan.

Kata kunci: pelestarian, perekayasaan, inovasi, penyelidikan

Abstract

Research on Malay language has been long established in the Malay world. The research has been done since pre-independence epoch. The research pertaining Malay Archipelago has attracted not only the British but other Europeans such as the Dutch, Italian and French besides the local scholars. Within the context of this country, studies by British residents like Marsden, Winstedt, Wilkinson, Swettenham and many more on language and Malay literature cannot be denied. Therefore, books on Malay grammar and Malay anthropology have been produced. They proved that Malay language has its own distinction especially the Malay figure of speech. The new knowledge with compartmentalization according to its own discipline as in phonology, morphology, syntax, and semantics has left out figurative language unattended for some time. Even though Asmah (1986), Nor Hashimah (2000), Charteris Black (2000, 2002) have worked on figurative languages nevertheless the Malay mind were not clearly reflected. Figurative language as our treasure must be explored continuously. The multi discipline approach with a mixture of a few disciplines becomes an innovation in today's language study. The application of compatible software for language study such as GIS (Geographical Information System), software for nutrition, information technology are able to weave in the innovation in the language studies in order to sustain and to reengineer Malay language in order for the language becomes fresher and relevant.

Keywords: sustainability, reengineering, innovation, research

1. Pengenalan

Bahasa akan berdiri teguh selagi ada penggunaannya yang aktif. Penghasilan kosa kata yang baru seiring dengan perkembangan semasa pasti akan mengukuhkan lagi sesebuah bahasa itu. Dengan itu pemupukan, inovasi perlu dilakukan demi kelangsungan sesebuah bahasa. Namun perkembangan bahasa harus dikawal dan ditapis dengan teliti agar kemasukan unsur asing, kependekan (seperti bahasa sms, *Whatsapp*, *Twitter* dan lain-lain) kesan daripada permainan bahasa dan komunikasi pantas hari ini, terbatas. Bagaimanakah ini harus dilakukan? Salah satu cara yang terbaik adalah melalui penyelidikan. Bahasa Melayu telah dikaji sejak ratusan tahun yang lalu.

Sejak abad ke 18 telah ada penulisan mengenai bahasa Melayu (BM). Raja Ali Haji melalui Kitab Pengetahuan Bahasa (1859), Maxwell (1878), Swettenham (1874), C.C Brown (1921), Wilkinson dan Winstedt (1957), Za'ba (1958) dan ramai lagi. Sumbangan mereka adalah pada nahu dan juga bukan nahu. Bahasa kiasan adalah salah satu daripadanya. Kekaguman sarjana barat terutamanya menyangkut bahasa kiasan terbukti dalam tulisan Maxwell, Wilkinson dan Winstedt (Nor Hashimah 2014). Terkini pujian terhadap kehebatan bahasa Melayu dapat ditemui dalam tulisan Charteris-Black (2000, 2002).

Kertas ini ingin melanjutkan lagi huraian mengenai BM, kehebatan, kebijaksanaan penutur dan penggunaannya sejak dahulu kala. Kertas ini juga ingin mendebatkan bahawa bahasa kiasan yang dipunyai masyarakat Melayu sarat dengan pegajaran dan bukannya dicipta secara 'melepaskan batuk di tangga'. Banyaknya ilmu yang boleh dipelajari dan dijadikan iktibar yang ghehingga boleh menimbulkan rasa keyakinan terhadap bahasa kita sendiri.

2. Perihal Pembinaan Ilmu, Pelestarian dan Perekayasaan

Ilmu sentiasa berkembang. Dalam ilmu linguistik ada tiga kepadaan (*adequacy*) yang mesti dipatuhi bagi memastikan kajian itu berpada iaitu pencerapan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan penghuraian (*explanatory*). Selalunya kajian linguistik dilengkapi dengan teori yang mampan. Begitu juga dengan penyelidikan BM. Perlu ada teori yang baik bagi menjelaskan fenomena bahasa dengan meyakinkan. Persoalannya adakah kita cukup sekadar dengan teori sogokan yang diberikan oleh barat. Tidak perlukan kita bergerak dalam acuan sendiri. Ini pernah ditegaskan oleh Azhar (1993) bahawa kita mempunyai acuan sendiri untuk menilai bahasa kita sendiri. Zimmermann (2012) mengatakan:

A scientific theory is not the end result of the scientific method; theories can be proven or rejected, just like hypotheses. Theories can be improved or modified as more information is gathered so that the accuracy of the prediction becomes greater over time.

Dalam hal ini kita dapati ada teori yang telah ada boleh kita baiki dengan menentengahkan apa yang telah kita temui dalam penyelidikan bahasa kita. Kita harus mencerap, mengutip data, merekod, menguji, membina hipotesis, diuji lagi dan akhirnya membentuk teori. Mungkin belum sampai ke peringkat mencipta teori baru tetapi mengubah pendekatan supaya lebih serasi dengan sifat bahasa kita adalah munasabah. Di sini pembinaan ilmu boleh dilakukan. Apakah tujuan perubahan dilakukan? Tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan perekayasaan ilmu terus berlaku supaya sentiasa segar. Merekayasa bermaksud menerapkan unsur-unsur ilmu, budaya, dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja, dan lain-lain sebagai asas melaksanakan sesuatu (Kamus Dewan Edisi 4: www.prpm.dbp.gov.my). Dalam konteks penyelidikan bahasa unsur-unsur ini penting bagi melestarikan bahasa itu sendiri. Mengapa perlu kepada pelestarian? Ia adalah untuk memastikan bahasa terus hidup dan relevan. Tetapi pelestarian ini selalunya mempunyai konflik. Richard Wilk (2010) dalam artikelnya bertajuk, '*Consumption embedded in culture and language: implications for finding sustainability*' mengatakan adalah sukar untuk menemukan keserasian di antara penyelidikan, pembuat dasar dan masyarakat.

There are a number of obstacles in translating academic research and theoretical insights into practical recommendations for policy and effective messages for public and educational purposes. The ways trained scientists and social scientists think about problems are often far from the ways the same issues appear in public discourse (R.Wilk 2010).

Pendapat itu menganalogikan masyarakat umum berfikir secara pra logik dan metafora sementara pengkaji selaku pengalami secara konkrit. Kita boleh ambil contoh dalam kelestarian BM itu sendiri. Daripada capaian data korpus tentang BM yang berjumlah lebih 2000 data, kita boleh lihat pola kecenderungan orang ramai pada bahasa. Ada yang cenderung kepada pengejalan BM, merasakan ia adalah tugas penting pihak penguasa dan ada juga yang merasakan perlu menggantikan BM kepada bahasa global. Dari segi kognitif, kita akan temui skema imej Atas-Bawah,

- i. Kesedaran perlu wujud kerana timbulnya masalah penggunaan bahasa Melayu secara meluas dan baik di media elektronik sebelum ini disebabkan tidak adanya kesedaran berbahasa kebangsaan...
- ii. tidak memahami aspirasi perjuangan bahasa yang dilaung-laungkan selama ini. Dan dalam keadaan perjuangan dan penggunaan bahasa yang lemah, sudah tentu bahasa Melayu akan terjerumus dalam kemelut yang tidak mudah usai dan akhirnya hilang atau tinggal sebagai simbol kebangsaan...

Pusat-pinggiran

- i. kerajaan juga perlu memperluaskan arahan itu meliputi siaran iklan terutamanya pada masa perdana siaran televisyen.. .
- ii. Arahan itu tidak boleh dilihat sebagai satu kongkongan terhadap stesen terbabit, kerana sebagai sebahagian daripada institusi masyarakat...

Sumber-laluan-matlamat

- i. Pengguna bahasa juga perlu memahami perjuangan bahasa Melayu bukan sekadar menggalakkan penggunaannya secara meluas, tetapi turut memberi penekanan kepada penggunaan bahasa yang baik...
- ii. mereka perlu mempunyai kesedaran dan tanggungjawab sendiri memandangkan mereka sudah dididik dalam sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar...

Imej-imej ini perlu diperhalusi oleh pengkaji dan pembuat dasar agar ilmu yang hendak diketengahkan dapat difahami oleh masyarakat umum. Jika wujud saling fahaman di antara pengguna, penyelidik dan pembuat dasar, maka BM akan dapat terus dilestarikan.

3. Dapatan dan Perbincangan

Kita ambil contoh metafora. Metafora mempunyai asas untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa, bukan hanya lahir sebagai bunga-bunga bahasa tetapi mengandungi konsep yang tersirat. Ungkapan berkonsep adalah ungkapan yang mempunyai nilai intelektual. Hassan (2003) menggelar nilai intelektual ini sebagai akal budi atau kehalusan akal dan ini menjadi teras kepada pemahaman corak pemikiran Melayu. Kita kupas dengan teliti apa yang dimaksudkan oleh Hassan Ahmad dengan kenyataan di atas.

Hassan Ahmad (2003) telah menghuraikan bagaimana pemikiran masyarakat Melayu membentuk makna implisit melalui metafora. Tiga proses utama terlibat, iaitu (a) metafora dan hasilnya di mana pemikiran Melayu terbentuk melalui proses pengalaman, akhlah dan renungan, dan intuisi atau rasa hati sekali gus; (b) metafora Melayu dibentuk oleh manusia yang bijak dan pantas fikirannya; dan (c) metafora Melayu menghasilkan suatu sistem pandangan hidup bersama bangsa Melayu atau sistem rangkaian sosial pemikiran Melayu melalui evolusi sosial. Ketiga-tiga aspek ini memandu kepada penghasilan metafora Melayu. Sebagaimana yang disebutkan di awal syarahan, penghasilan metafora ini bukan semberono sifatnya tetapi sarat dengan falsafah yang mencerminkan minda masyarakat Melayu. Bagaimanakah gagasan ini dapat difahami oleh masyarakat umum dan pada masa yang sama oleh pembuat dasar. Maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita menterjemahkan dalam bentuk penyelidikan dan penerbitan yang mudah difahami oleh khalayak.

Tafsiran Peribahasa dan Pantun

Metafora khususnya bahasa kiasan masuk dalam skop kajian semantik. Nor Hashimah (2014) ada mengusulkan pendekatan semantik inkuisitif dalam mentafsir makna. Nor Hashimah menyenaraikan tiga jenis pendekatan semantik, iaitu :

- i. semantik skrip – mentafsir secara permukaan berdasarkan data lapangan atau teks.
- ii. Semantik resonans – mentafsir berasaskan data dan diolah mengikut teori kognitif penuturnya.
- iii. Semantik inkuisitif – mentafsir makna berasaskan data, teori kognitif dan falsafah demi mencungkil akal budi penuturnya.

Nor Hashimah telah mengambil peribahasa dan mentafsirkannya serta dipautkan dengan akal budi Melayu. Contoh di bawah adalah bagaimana semantik inkuisitif mentafsir peribahasa dan dihubungkan terus dengan akal budi penuturnya. Tafsiran seumpama ini akan mampu menghubungkan tiga pihak yang berkepentingan tadi. Pengguna bahasa akan faham dan pembuat dasar akan jelas akan falsafah dan ilmu yang ada dalam BM.

Kecil tapak tangan,nyiru saya tadahkan - Ingin mendapat sebanyak-banyaknya; sangat berbesar hati (www.prpm.dpb.gov.my)



Huraian mengikut semantik inkuisitif (menggabungkan data, teori, kognitif, dan akal budi penuturnya).

- i. Peribahasa tersebut bermaksud untuk menerima sesuatu yang lebih besar atau sangat berbesar hati untuk menerima. Ini makna di peringkat pertama – umpama makna skrip yang tertulis.
- ii. Menghurai kognitif penutur – kenapa tapak tangan dan nyiru. Tapak tangan adalah anggota fizikal yang boleh digunakan untuk menadah sesuatu pemberian dalam kuantiti yang sedikit. Kenapa pula nyiru. Nyiru adalah umpama dulang kecil yang digunakan untuk menampi, mengalas barang mahupun menghidang. Ia ada pelbagai kegunaan. Bandingkan tapak tangan dengan nyiru. Tapak tangan bersaiz lebih kecil berbanding nyiru meskipun kedua-duanya boleh berfungsi untuk menadah. Jadi meskipun pemberian itu kecil, si penerima tetap berbesar hati. Ia boleh dikaitkan dengan imej saiz; iaitu yang besar itu baik yang kecil kurang baik. Ia menggambarkan juga perasaan si penerima.

Analisis ini dianggap belum selesai. Ia terhenti di peringkat kognitif. Kognitif dan minda adalah dua perkara yang berbeza. Kognitif lebih berupa proses secara abstrak di dalam minda selepas terhasilnya output dalam bentuk pemikiran yang konkrit. Pemikiran yang konkrit ini kita panggil akal budi yang mencerminkan keintelektualan si

penutur. Kita seharusnya dapat mengaitkan dengan akal budi masyarakat Melayu. Mengapa nyiru dipilih sebagai objek menggantikan tapak tangan.

- iii. Langkah ketiga ini dipanggil sebagai semantik inkuisitif yang berkaitan dengan kaedah ‘meneroka’. Kita boleh seterusnya mencari jawapan ‘apa kenapa, bagaimana’ sehingga tertonjol akal budi penuturnya. Nyiru adalah alat untuk menampi. Selalunya yang ditampi dalam masyarakat Melayu adalah padi. Tujuan menampi adalah untuk memisahkan beras dengan hampa selepas padi ditumbuk. Selepas ditampi akan terpisah sekam (hampa padi) daripada beras.
- iv. Perkaitan dengan akal budi Melayu: padi mempunyai bulu halus yang miang. Hampa/sekam itu keras dan liat serta tidak boleh dimakan. Meskipun begitu sekam ini tidak dibuang begitu sahaja tetapi dijadikan unsur bakaran seperti membakar labu sayung. Ia adalah alat pembakar yang baik. Ini boleh dianalogikan kepada cara penerimaan kita pada pemberian orang. Apa yang diberikan akan ‘ditampi’, ditapis, direnungkan agar apa yang hendak diterima benar-benar bersih. Mungkin ada pemberian mempunyai unsur ‘miang’ yang boleh melukakan, ada yang keras dan liat yang boleh memudaratkan. Maka banyak pertimbangan yang harus dibuat sebelum menerima sesuatu pemberian daripada seseorang.
- v. Apa falsafah di sebaliknya? Peribahasa ini membawa pengajaran bahawa seseorang harus berfikir/menimbang terlebih dahulu sebelum menerima apa sahaja pemberian. Tidak semua yang datang itu baik mahupun buruk. Sekam adalah alat pembakar tetapi pembakarannya adalah secara terselindung dengan hanya mengeluarkan asap tetapi pada masa yang sama akan memusnahkan apa yang dibakar. Ia boleh dikaitkan dengan peribahasa ‘api dalam sekam’. Pembakaran secara senyap hanya dengan mengeluarkan asap boleh diibaratkan sesuatu yang mempunyai maksud tersirat. Di situlah boleh kita kaitkan fungsi menampi tadi.
- vi. Begitu rapinya pemilihan objek antara tapak tangan, nyiru, sekam dan niat yang jahat itu tersimpul rapi berasaskan pemerhatian manusia dengan alam. Masyarakat terdahulu lebih bersifat mesra alam, bersahabat dengan alam dan secara tidak langsung menjadikan dunia ini eko-sistem yang selamat untuk diduduki. Komposisi sekam adalah seperti berikut:



No.	Komponen	Peratusan berat (basis kering)
1	Air	0.00-11.00
2	Protein	1.75-6.38
3	Lemak	0.38-3.50
4	Nitrogen	25.80-37.84
5	Serat kasar	31.30-49.92
6	Abu	14.50-29.09
7	Pentose	19.80-26.00
8	Selulosa	31.20-42.20
9	Lignin	19.20-32.88

Contoh analisis di atas membuktikan bahawa kajian bahasa bukan setakat kajian permukaan sahaja. Banyak peringkat penganalisisan yang boleh dibuat sehingga boleh dikaitkan dengan ilmu sains dan sekali gus menjadikan kajian ini bersifat multidisiplin. Apabila masyarakat dan pembuat dasar dapat diperkenalkan dengan kaedah seumpama ini, barulah mereka merasakan bahawa memang ada ilmu di sebalik peribahasa ini dan bahasa kiasan yang lain. Bahasa kiasan tidak dicipta secara santai tetapi teradun ilmu yang sempurna termasuklah dengan memasukkan eko-sistem objek yang dibicarakan tadi. Inilah cara kajian yang mengandungi unsur perekayasaan yang boleh melestarikan BM sebagai bahasa yang kekal relevan.

Satu lagi contoh kajian yang membuktikan bahawa bagaimana BM tetap penting adalah melalui kajian. Pantun yang menarik adalah seperti di bawah:

Pisang emas dibawa belayar
 Masak sebiji di atas peti
 Hutang emas boleh dibayar
 Hutang budi di bawa mati



Pembayang pantun ini sangat berkait rapat dengan maksudnya. Dalam pembayang dinyatakan makanan yang paling sesuai untuk dibawa belayar. Ternyata pisang yang dipilih. Kenapa?

- i. Mengandungi segala nutrient (karbohidrat, mineral dan vitamin) yang diperlukan oleh badan ketika lapar;
- ii. Mengandungi vitamin B6 yang berguna untuk mengawal rasa mual dan muntah
- iii. Masa masakanya tidak serentak

iv. Mempunyai kulit dan mudah untuk dibawa dan dimakan.

Penonjolan fakta pisang harus diketengahkan. Sebiji pisang mengandung 467 kalium yang memberikan perlindungan kuat untuk sistem kardiovaskular. Memakan buah ini secara rutin dapat membantu mencegah tekanan darah tinggi dan stroke. Vitamin B6 dalam pisang membantu masalah susah tidur, perubahan suasana hati, dan mudah marah.

Nutrisi	Jumlah (mg)	DV (%)	Densitas Nutrisi	WH Foods Rating
Vitamin B6 (pyridoxine)	0.68	34.0	5.6	Very good
Vitamin C	10.74	17.9	3.0	Good
Kalium	467.28	13.4	2.2	Good
Serat pangan	2.83	11.3	1.9	Good
Mangan	0.18	9.0	1.5	Good

Buah pisang mas mengandung tenaga sebesar 127 kilokalori, protein 1.4 gram, karbohidrat 33.6 gram, lemak 0.2 gram, kalsium 7 miligram, fosfor 25 miligram, dan zat besi 1 miligram. Selain itu di dalam buah pisang mas juga terkandung vitamin A sebanyak 79 IU, vitamin B1 0,09 miligram dan vitamin C 2 miligram. Atau ringkasnya lihat jadual di bawah:

Maklumat di atas akan dapat membawa kepada analisis semantik inkuisitif yang memasukkan bukan sahaja data, maklumat kognitif tetapi juga maklumat saintifik yang boleh meyakinkan pembaca kenapa kebijaksanaan orang Melayu zaman dahulu memilih pisang untuk dibawa belayar dan merantau.


Mengapa hutang?

- i. orang merantau memerlukan wang dan terpaksa berhutang bagi menampung kos pelayaran yang lama.
- ii. Hutang wajib dibayar balik
- iii. Orang berhutang merasa terhutang budi
- iv. Hanya ini kekal abadi dalam ingatan

Kajian seumpama ini boleh diperluaskan lagi ke bidang-bidang lain. Noorul Khairien Abdul Malek dan Hasnah Mohamad (2013) telah membuktikan bahawa remaja hari ini telah tidak menguasai istilah atau kosa kata kuli-muih tempatan. Secara tidak langsung bahasa yang digunakan akan lama kelamaan pupus dan hilang begitu sahaja. Dari itu perlunya perekayasaan dan pelestarian bagi memastikan bahasa kita akan terus relevan.

Inovasi dalam Kajian Dialek


Jika kajian peribahasa dan pantun lebih merupakan kajian dokumen, kita beralih pula ke satu lagi kajian tetapi berbentuk lapangan. Perekayasaan penyelidikan seharusnya meluas dan tidak terhad kepada kajian teks sahaja. Salah satu kajian yang memerlukan perekayasaan penyelidikan adalah kajian dialek. Kajian dialek sebelum ini terutamanya kajian dialek geografi banyak menggunakan lakaran kasar dan impresionistik bagi kawasan yang bakal dibuat kajian. Contohnya kajian dialek geografi yang terkenal adalah oleh Ajid Che Kob (1985), Rohani Yusof (1986) dan Collins (1983). Apa yang mereka lakukan adalah dengan mengambil peta daerah kajian dan memplot ciri fonologi bagi memperlihatkan kesamaan dan perbezaan dialek yang ada di kawasan itu. Lakaran dilakukan secara manual dan boleh menyebabkan ketidaktepatan peta yang dilakarkan. Ini bersesuaian dengan zaman kajian dialek dilakukan pada waktu itu (lihat Peta 1 di bawah).



Peta 1: Dialek Geografi Kuala Kangsar (Rohani 1986)


Kini dengan adanya kemajuan teknologi dan penyelidikan multi disiplin, kajian dialek menjadi semakin menarik. Satu inovasi kepada kajian dialek telah pernah dilakukan oleh kumpulan penyelidik Thai, iaitu Teerarojanarat, S dan Tingsabadh, K. (2011) yang telah menghasilkan garis sempadan bagi dialek di negara Thai. Mereka telah menggunakan pendekatan *Geographical Information System* (GIS). Kajian mereka seterusnya telah diteroka oleh Nor Hashimah et al (2013) di negeri Perak dan Siti Noraini et.al (2014). Nor Hashimah et. al telah menghuraikan taburan kata ganti nama di utara Perak. Manakala Siti Noraini et. al (2014) telah mengukuhkan lagi kajian dengan melihat penyebaran leksikal ‘air’ dan ‘menyusu’. Dapatan kajian yang menarik adalah perihal wujudnya tiga pengaruh dialek di utara Perak, iaitu dialek Perak sendiri, dialek Pattani dan dialek Kedah. Faktor topografi dan ruang telah membantu kita memahamkan bagaimana dialek boleh tersebar luas.

Inovasi yang ada pada kajian dialek Melayu di negeri Perak ini adalah bertujuan menjadikan kajian ini bersifat multi disiplin. Jika dahulu kajian dialek lebih kepada kajian bersifat linguistik semata-mata tetapi pada hari ini telah ada elemen geografi, statistik dilibatkan sama. Bentuk muka bumi sangat berperanan dalam penyebaran dialek. Dialek akan mudah tersebar jika tanah yang melingkunginya dan kawasan sekitar bersifat landai. Faktor sungai adalah faktor paling penting dalam alam Melayu. Melalui sungai dialek akan lebih cepat tersebar. Pengangkutan utama menggunakan sungai menyebabkan berlakunya pertembungan bahasa. Ini disokong pula oleh aktiviti perniagaan. Contoh terbaik adalah Kuala Kangsar. Sebaliknya pula bagi kawasan yang bergunung ganang. Ada kalanya dialek luar pula masuk dan mempengaruhi dialek di Perak. Contohnya Selama, Larut Matang dan Hulu Perak.




Peta 2: Sebaran Dialek di Perak Berasaskan GIS (Norli Safina 2014)

Perhatikan sungai Perak yang berpunca dari Hulu Perak dan membawa ke Hilir Perak. Perhatikan juga tanah tinggi yang terletak di Banjaran Titiwangsa yang memenuhi ruang pedalaman Perak terutama yang bersempadan dengan Pahang. Di bahagian timur iaitu Tapah, kawasan itu dikelilingi oleh tanah tinggi dan menyekat dialek Perak daripada menembusi dialek Minang. Berbeza pula dengan dialek Selangor. Daerah Perak yang menganjur ke Selangor memperlihatkan tanah landai yang membolehkan dialek Selangor masuk ke Perak. Dialek Perak terkepung dalam daerahnya sendiri. Dengan sebab itu, kita dapati ramai penutur di Tanjung Malim ke selatan menggunakan dialek Selangor dan bukannya dialek Perak. Dialek Perak Tengah khusus menjadi milik Perak dan berlegar di kawasan berhampiran sungai. Bermula daripada selatan Kuala Kangsar hingga ke Pasir Salak jelas penggunaan dialek Perak tengah. Kuala Kangsar mempunyai dialek tersendiri dan dikatakan kawasan transisi dialek (Rohani 1986). Yang paling menarik ialah dialek Kedah yang bermula daripada Selama hingga ke pesisir laut bersempadan dengan Perak Tengah. Inilah pengaruh sungai iaitu Sungai Kerian dan Sungai Manik. Manakala di sebelah timur laut terdapat pula pengaruh daripada dialek Patani. Begitulah warna-warninya penyebaran dialek di Perak. Jadi dengan melibatkan penerangan bentuk muka bumi kita dapat menjelaskan bagaimana penyebaran dialek boleh berlaku. Selain daripada bentuk muka bumi, faktor sejarah, migrasi, ekonomi dan sosial turut boleh diikuti sertakan dalam mengukuhkan lagi penghuraian dialek Melayu di Perak. Hari ini kita dapat membandingkan isoglos baru dialek Perak dengan isoglos terdahulu yang dilakar oleh Asmah (1986). Peta di bawah menunjukkan bahawa ada penambahbaikan pada peta terdahulu.



Peta 3: Penyebaran dialek Melayu di Perak (Asmah 1986)




Peta 4: Isoglos Dialek Perak (Nor Hashimah 2014)

Kajian dialek melibatkan kajian lapangan. Responden tidak sahaja melibatkan pendekatan NORM (non-mobile, old, rural, male). Satu inovasi dilakukan dengan mengambil kira golongan perempuan dan kanak-kanak. Kumpulan penyelidik telah mendapatkan bantuan Penghulu Mukim bagi mengenal pasti kampung yang benar-benar asli dengan penutur Perak. Setelah data dikutip, data dimasukkan dalam program excel dan data atribut sebelum interpolation technic dan overlay daripada perisian GIS dapat dilakukan.


DATA KATA DOMINAN MINANG DI DAERAH BATANG PADANG						
MUKIM	KAMPUNG	LEKSIKAL	VARIASI LEKSIKAL	L1	L2	L3
				ɑ̃ɲɔ̃ʒɛŋ	ɑ̃ɲɔ̃ʒən	ɑ̃ɲɔ̃ʒiɑ̃ŋ
PENYEBARAN LEKSIKAL ANJING						
BIDOR	KG. PETALIN	anjing	1	10		
BATANG PADANG	KG. LUBOK KATAK, TAPAH	anjing	1			10
	KG. BATU MELINTANG, TAPAH	anjing	1			11
CHENDERANG	KG. TEMOH STESYEN	anjing	2	6	5	
SLIM RIVER	KG. PASIR, SLIM RIVER	anjing	2	3	7	
SUNGKAI	KG. GUNTONG	anjing	2	5	5	
ULU BERNAM	KG. SUNGAI DARAJANG	anjing	2		5	6
JUM. RESPONDEN				24	22	27

Rajah 1: Data dimasukkan dalam *Excell* sebelum diproses dengan GIS

Sebagaimana yang telah dijelaskan di bahagian awal tadi bagaimana bentuk muka bumi mampu mempengaruhi penyebaran dialek, diperturunkan peta di bawah untuk menjelaskannya. Dengan menggunakan peta topografi daripada Jabatan Peta Malaysia (JUPEM), bentuk muka bumi kawasan kajian dilakar. Maklumat muka bumi ini akan memberikan maklumat mengenai penyebaran dialek di satu-satu tempat.



Peta 5: Muka Bumi di Batang Padang



Peta 6: Geo-ruang dan dialek di Batu Melintang

Perhatikan bahawa di kawasan Batu Melintang di Tapah terdapat banyak tanah tinggi. Kawasan ini bersempadan dengan Perak Tengah dan Kampar. Kawasan tanah tinggi ini telah menghalang dialek Perak seperti dialek Perak Tengah daripada merebak ke Batu Melintang. Sebaliknya kawasan yang diduduki oleh masyarakat Rawa, Minang, Selayang kekal dengan dialek Melayu Minang mereka. Kelompok ini bermigrasi daripada Sumatera melalui Sungai Kelang. Mereka terus menyusuri daripada Sungai Kelang hingga ke Tapah dan membina penempatan di sini. Kawasan ini merupakan kaki Gunung Titiwangsa. Jalan ke kawasan ini sangat sempit. Keadaan muka bumi yang bertanah tinggi menghalang pergerakan mereka ke luar Tapah. Begitu juga dialek Perak Tengan yang asli tidak dapat masuk ke kawasan ini kerana halangan tanah tinggi. Leksikal seperti [man?, uyar, ajer] menggambarkan pengaruh dialek Minang yang dituturkan di kampung Batu Melintang.

Kajian seumpama ini boleh dikatakan sebagai satu inovasi pada kajian dialek. Kajian dialek geografi khususnya yang pernah dilakukan sebelum ini dapat memberikan gambaran tentang perbezaan fonologi (lihat peta 1) tetapi dengan menenun metodologi yang lebih terkini iaitu dengan perisian GIS, kajian dialek menjadi lebih terkini. Inilah kesan perekayasaan ilmu demi kelestarian BM.

4. Kesimpulan

Istilah lestari muncul 60 kali dan 15 daripadanya menyentuh tentang bahasa. Manakala rekayasa ditemui 17 kali dengan 3 berkaitan bahasa. Ini bermakna kedua-dua istilah ini telah mula digunakan dalam ilmu linguistik. Lestari dan rekayasa berkolokasi dengan harapan yang positif. Inilah yang kita harapkan dengan penyelidikan bahasa. Imej bawah mengatasi atas dalam linguistik kognitif seharusnya dapat kita tangkis dengan bersesuaian dengan ilmu yang dikaji. Penyelidik seharusnya lebih bersifat terbuka dengan memberi ruang kepada penyelidikan multi disiplin kerana sesungguhnya kajian seumpama ini lebih dinamik sifatnya. Pemahaman kita terhadap bahasa dengan gaya hidup, persekitaran dan eko-sistem ternyata lebih teratur. Rangkaian tiga pihak berkepentingan – masyarakat-penyelidik-pembuat dasar akan dapat saling memahami tentang perlunya BM sebagai bahasa ilmu, pemersatuan dan bahasa kebangsaan sebagai jati diri negara bangsanya. Penerimaan oleh semua pihak akan pasti membolehkan usaha merekayasa bahasa terus berlaku demi melestarikan BM agar terus relevan.

Rujukan

- Ajib Che Kob. (1985). Dialek geografi Pasir Mas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1985). Susur galur bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). Alam dan Pemikiran Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M.Simin. (1993). Sintaksis wacana 'yang' dalam bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, C.C. (1921). Papers on Malay subjects: Perak Malay. Calcutta: The Baptist Mission Press.
- Charteris Black, Jonathan. (2000). Figuration, Lexis and Cultural Resonance: A Corpus Based Study of Malay. *Pragmatics* 10:3, 281-300.
- Charteris Black, Jonathan. (2002). Second language figurative language proficiency: a comparative study of Malay and English. *Applied Linguistics* 23/1, 104-133.
- Collins, J.T. (1983). Dialek Ulu Terengganu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Ahmad. (2003). Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Maxwell, W. E. (1878). Malay proverbs. Pt. I. *JSBRAS* 1 (July): 85-98.
- Noorul Khairien Abdul Malek, Hasnah Mohamad. (2013). Remaja dan Penguasaan Leksikal Ilmu Tempatan. *Jurnal Linguistik*. Vol. 17(2): 70-83
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Semantik dan Akal Budi Melayu. Penerbit UKM: Bangi.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000). Rampak serantau, seksis atau sosialisasi: satu interpretasi makna berdasarkan peribahasa Melayu. *Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei*. 7: 142-161.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar. (2013). Lexical variation and distribution in Perak Malay: A GIS Approach. Dlm Seminar on Southeast Asian Linguistics (SEALS), 29-31 Mei 2013: Universiti Chulalongkorn, Bangkok.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1988). Bahasa Melayu sebagai bingkai pemikiran masyarakat Melayu. *Jurnal Bahasa*. 32(11): 820-831.
- Norli Safina Sanit. (2014). Penyebaran Dialek Melayu Perak di Pesisir Sungai Perak: Analisis GIS. Kertas Projek Sarjana, UKM: Bangi
- R. J Wilkinson dan Richard Winstedt. (1957). Malay grammar. Oxford: Clarendon Press.
- Raja Ali Haji http://id.wikipedia.org/wiki/Ali_Haji_bin_Raja_Haji_Ahmad [dicapai 10 Ogos 2012].
- Rohani Yusof. (1986). Dialek geografi Kuala Kangsar: Suatu Kajian Perbandingan. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. (2014). Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*. Vol. 18(2): 030-046
- Swettenham, F. (1884). The Malay sketches. London: John Lane.
- Teerarojanarat, S dan Tingsabadh, K. (2011). A GIS-Based Approach for dialect boundary studies. Dlm *Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona* 6: 55-75.
- Tenas Effendi. (2008). Kearifan orang Melayu berbahasa. Syarahan Raja Ali Haji. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Norashikin Mat Naib. (2014). Penyebaran Pengaruh Bahasa Minang di Batang Padang: Analisis Geographical Information System. Latihan Ilmiah, UKM: Bangi
- Kim Ann Zimmermann. <http://www.livescience.com/21491-what-is-a-scientific-theory-definition-of-theory.html> [dicapai 12 Jan. 2015]
- Kamus Dewan Edisi 4: www.prpm.dbp.gov.my
- R. Wilk. (2010). 'Consumption embedded in culture and language: implications for finding sustainability'. *Journal of Sustainability: Science, Practice and Policy*, Vol 6 (2). <http://www.sspp.proquest.com/archives/vol6iss2/0912040.wilk.html> [dicapai 9 Jan. 2015]
- Isi kandungan gizi buah pisang mas - komposisi nutrisi bahan makanan <http://www.organisasi.org/1970/01/isi-kandungan-gizi-buah-pisang-mas-komposisi-nutrisi-bahan-makanan.html> [capai 12/1/15]
- Kandungan Nutrisi Dalam Pisang. <http://www.sunpride.co.id/produk2/kandungan-nutrisi-dalam-pisang/#sthash.YH3vxqkq.dpuf> [capai 12/1/15]